

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris
[Jerantut]

SOALAN : Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris
[Jerantut] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:

Apakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu skim insentif bagi menggalakkan pembukaan ladang ternakan lembu daging bagi mengurangkan kebergantungan kepada daging import dan kekurangan bekalan terutamanya pada musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) tidak bercadang untuk mewujudkan satu skim insentif bagi pembukaan ladang ternakan. Namun demikian, MOA ada menyediakan Kerajaan menyediakan insentif/sumbangan bukan wang (*In-Kind Contribution*) bernilai RM20,000.00 melalui Program Agropreneur Muda kepada pemohon yang layak untuk projek permulaan (*start-up*).

MOA melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) juga ada menyediakan bantuan dalam bentuk perkhidmatan veterinar, khidmat runding cara serta bimbingan usahawan melalui program berkenaan.

Usahawan yang berminat juga boleh memohon pembiayaan mudah melalui pinjaman pembiayaan daripada Agrobank atau TEKUN Nasional.